



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Gombak
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Tingkat 3, Kompleks Selayang Mall
Jalan SU 9, Taman Selayang Utama
68100 Batu Caves, Selangor

Tel : 03 - 61203200
Faks : 03 - 61381997
Laman Web : <http://jpn Selangor.moe.gov.my>

Ruj Kami : PPDG UPS 600-1/37/1 JLD 8 (14)
Tarikh : 04 Ogos 2020

Xused Worldwide Solutions Sdn Bhd
ME12Pay Digital Sdn Bhd
(u.p : En Ismat Fitri bin Ismail)

Tuan,

KELULUSAN PERMOHONAN BAGI TAKLIMAT PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU SECARA DIGITAL SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH GOMBAK TAHUN 2020

Adalah saya diarah merujuk surat tuan yang bernombor rujukan **ME/2020/07/7** dan bertarikh **07 Julai 2020** berkaitan dengan perkara di atas.

2. Pejabat Pendidikan Daerah Gombak tiada halangan untuk meluluskan permohonan tuan bagi mengadakan **Taklimat Penggunaan Aplikasi Me12pay Rekod Kehadiran Dan Saringan Suhu Secara Digital Sekolah-Sekolah Daerah Gombak Tahun 2020**.

3. Mendapat kebenaran dan kerjasama daripada **Pengetua/Guru Besar** sekolah-sekolah yang terlibat. (**Rujukan: Perkara 3.1, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.10/2011**).

4. Pihak tuan juga hendaklah memastikan bahawa tiada sebarang unsur paksaan boleh dikenakan kepada mana-mana pihak untuk tujuan itu. Pihak tuan juga perlu mematuhi Standard Operation Procedure (SOP) Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perintah Kawalan Pergerakan (MKN). **Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 31 Disember 2020**.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Pn. Mona Asifah binti Abdullah, Penolong Pegawai Pendidikan Daerah (Perhubungan dan Pendaftaran)** atau Pn Nor Idura binti Mohamed Roffie (Pembantu Tadbir) di talian **03-6120 3200**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(BHA KHARI BIN ABD RAHMAN)

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah
Sektor Perancangan
b.p Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Gombak
Selangor Darul Ehsan

Idura, PT-SPS-2020

MENERAJUI TRANSFORMASI

